



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**

**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**

Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892181  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/62 Jld. 4 ( 3)  
Tarikh : 15 Mei 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN SATU KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR KEWANGAN (PT (KEW)) GRED W26 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses **persediaan pengisian satu kekosongan jawatan Pembantu Tadbir Kewangan (PT (Kew)) Gred W26 di bawah Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pahang** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PT (Kew) Gred W22 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai PT (Kew) Gred W22 **sebelum 31 Disember 2009 (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan ke Gred W22 berubah ke tarikh 1 Januari 2010 dan seterusnya)**;
- 2.2 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014,2015 dan 2016) **tidak kurang 80%**;
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;



- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.8 **Tidak bersara wajib** atau **memilih bersara pilihan** dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti disertakan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 2 Jun 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Norziah binti Tajuddin)

5. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Encik Mohd Fauzi bin Hashim - 03-8885 4782  
[fauzi.hashim@jpa.gov.my](mailto:fauzi.hashim@jpa.gov.my)
- ii. Puan Farah Nadia binti Md. Jali - 03-8885 4147  
[nadia.jali@jpa.gov.my](mailto:nadia.jali@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)**  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : shima.tajuddin@jpa.gov.my